

Pembayaran melalui kiriman wang

Oleh Azrina Ahzan
dan Haika Khazi

PUTRAJAYA: Pemilik kenderaan dan motosikal persendirian yang sudah memperbaharui lesen kenderaan bermotor atau cukai jalan selepas 1 April lalu boleh mendapatkan bayaran tunai masing-masing di semua pejabat pos di seluruh negara.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata Pos Malaysia Berhad (Pos Malaysia) dan Jabatan Pengangkutan Jalari (JPJ) sudah bersedia melaksanakan pembayaran menggunakan kaedah Kiriman Wang mulai 1 Julai ini.

"Kira-kira 60 peratus daripada pemilik kenderaan dan motosikal menggunakan perkhidmatan Pos Malaysia untuk memperbaharui lesen kenderaan masing-masing dan JPJ juga sudah mempunyai pangkalan data yang lengkap untuk membolehkan kerajaan melaksanakan sistem pembayaran ini.

"Justeru, kerajaan menjangkakan tidak timbul sebarang masalah untuk mengagihkan bayaran itu," ka-

tanya ketika ditemui selepas menghadiri sidang akhbar pengumuman Pakej Penstrukturan Semula Subsidi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini, semalam.

Mengikut pakej itu, bayaran tunai RM625 setahun bagi setiap kenderaan diberikan kepada pemilik kenderaan persendirian kapasiti enjin sehingga 2,000cc serta trak dan jip kapasiti sehingga 2,500cc.

Pemilik motosikal persendirian kapasiti enjin sehingga 250cc akan menerima bayaran tunai sebanyak RM150 setahun bagi setiap motosikal. Bayaran tunai itu membabitkan kenderaan dengan cukai jalan berkuat kuasa mulai 1 April 2008 hingga 31 Mac 2009.

Bagi kenderaan persendirian kapasiti melebihi 2,000cc, cukai jalan dikurangkan RM200, manakala motosikal persendirian kapasiti lebih daripada 250cc cukai jalan dikurangkan RM50, tertakluk kepada cukai jalan minimum sebanyak RM2.

Mengulas kesan kenaikan harga petrol dan diesel terhadap kenderaan awam, Nor Mohamed berkata, kenai-



Orang ramai yang sudah membayar cukai jalan kenderaan mulai 7 April lalu boleh menuntut semula bayaran serta rebet berkenaan secara tunai dengan mengemukakan bukti pembayaran kepada mana-mana pejabat pos"

Shahrir Samad
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna

kan harga berkenaan tidak akan meningkatkan kos kerana syarikat pengangkutan awam masih menerima subsidi diesel RM1.43 seliter mengikut Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

"Kerajaan menjangkakan kenaikan harga petrol dan diesel akan menyebabkan rakyat memilih menggunakan pengangkutan awam," katanya.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shahrir Samad, berkata harga baru bahan api itu membolehkan kerajaan menyampaikan subsidi secara terus kepada pengguna melalui bayaran tunai.

"Orang ramai yang sudah membayar cukai jalan kenderaan mulai 1 April lalu boleh menuntut semula bayaran serta rebet berkenaan secara tunai dengan mengemukakan bukti pembayaran kepada mana-mana pejabat pos.

"Mereka akan mendapatkan bayaran terbabit dalam bentuk kiriman wang dan boleh ditunaikan serta merta dalam akaun bank," katanya.